

28 MAR 2001

Isa-Kelulusan

MUDAHKAN PROSES KELULUSAN PERMOHONAN PERNIAGAAN DAN PELABURAN

SEREMBAN, 28 Mac (Bernama) -- Pihak berkuasa tempatan diminta tidak mengenakan sebarang syarat tambahan dan mempercepatkan proses kelulusan permohonan berkaitan perniagaan dan pelaburan bagi menggiatkan lagi aktiviti ekonomi negeri ini.

Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad berkata beliau telah memaklumkan arahan itu kepada ketua-ketua jabatan.

"Permohonan ahli perniagaan dan pelabur itu patut dipercepatkan supaya ahli perniagaan dan pelabur boleh memulakan perniagaan dan pelaburan dengan cepat. Ia boleh merangsang aktiviti ekonomi kita," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat mingguan Exco di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas langkah-langkah yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam dengan menyuntik RM3 bilion sebagai tambahan kepada RM28.8 bilion yang sudah diluluskan bagi Belanjawan 2001 untuk merangsang ekonomi negara berikutan kesan kelembapan ekonomi Amerika Syarikat.

Mohamed Isa menyifatkan langkah-langkah yang diumumkan oleh Dr Mahathir itu merupakan satu langkah proaktif kerajaan sebelum keadaan ekonomi negara terjejas lebih teruk lagi.

Katanya, kerajaan negeri juga akan mempergiatkan lagi sektor pertanian bagi mengurangkan pergantungan kepada import makanan yang mencecah berbilion ringgit setiap tahun.

Mengenai peruntukan RM1.6 bilion bagi pembinaan empat buah universiti di Perlis, Melaka, Pahang dan Negeri Sembilan, Mohamed Isa berkata pembinaan itu perlu dipercepatkan kerana sektor pembinaan dapat mempergiatkan lagi aktiviti ekonomi.

"Dulu semasa kegawatan tahun 1980-an dan kegawatan lepas (1997-98) pun, bidang pembinaan ini dapat menggiatkan lagi aktiviti ekonomi kita.

"Saya rasa, walaupun ekonomi AS mengalami kelembapan, dengan tumpuan kepada sektor pembinaan ini dan suntikan RM3 bilion, ekonomi kita akan dapat bertahan," katanya.

Beliau percaya keadaan ekonomi kita tidak akan terjejas teruk seperti yang dialami pada kegawatan lepas.

-- BERNAMA

APG RHM